



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA  
BAHAGIAN SUMBER MANUSIA  
ARAS 9 & 10, BLOK E7, KOMPLEKS E  
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN  
62590 W.P. PUTRAJAYA



SIRIM  
CERTIFIED TO MS ISO 9001 : 2000  
Registration No : AR 4600

Telefon : (03)8883-3888

Faksimili : (03)8888-8835/36/37

Ruj.Kami : Bil (15) KKM-61 (2959) Jld. 3

Tarikh : 29 Disember 2011

## Seperti Senarai Edaran

YBhg. Datuk/ Dato'/Datin/Tuan/Puan,

### SEMAKAN KADAR ELAUN KERJA LUAR WAKTU BEKERJA BIASA BAGI PEGAWAI PERUBATAN DAN PEGAWAI PERUBATAN PAKAR DI KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

Dengan hormatnya saya merujuk kepada surat Jabatan Perkhidmatan Awam rujukan JPA.SARAAN (S) 215/8/2-4Klt.6 (11) bertarikh 16 Disember 2011 berkenaan perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Kerajaan telah bersetuju untuk menaikkan kadar Elaun Kerja Luar Waktu Bekerja Biasa (EKLWBB) kepada Pegawai Perubatan Pakar dan Pegawai Perubatan yang menjalankan tugas atas panggilan selepas waktu bekerja biasa di Kementerian Kesihatan Malaysia berkuat kuasa mulai **1 September 2011**. Kadar baru yang telah diluluskan adalah seperti di **Lampiran A**.

3. Sehubungan itu, pihak YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan adalah dipohon untuk memaklumkan keputusan Kerajaan ini kepada semua Pusat Tanggungjawab (PTJ) di bawah seliaan YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan. Sebarang pertanyaan mengenai perkara ini, pihak YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan boleh menghubungi pegawai di Bahagian Sumber Manusia, KKM di talian seperti berikut:-


3.1	Puan Suhaida Binti Mohd Kamirazaman	03-88832713
3.2	En. Nazar Azly Bin Zabri	03-88832702
3.3	Cik Maslinda Binti Ramli	03-88832334

4. Selaras dengan keputusan Kerajaan ini adalah diharapkan agar Pegawai Perubatan Pakar dan Pegawai Perubatan di Kementerian Kesihatan Malaysia akan dapat melaksanakan tanggungjawab dan terus berkhidmat dengan lebih cemerlang pada masa akan datang.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menurut perintah,



**(ZULKIFLI BIN HAMZAH)**  
Bahagian Sumber Manusia  
b.p. Ketua Setiausaha  
Kementerian Kesihatan Malaysia

s.k:

KSU

KPK

TKSU (P)

TKSU (K)

TKPK (P)

TKPK (KA)

TKPK (P&ST)

Pengarah Kanan  
Bahagian Kesihatan Pergigian

Pengarah Kanan  
Bahagian Perkhidmatan Farmasi

Pengarah Kanan  
Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan

**KADAR ELAUN KERJA LUAR WAKTU BEKERJA BIASA (EKLWBB) KEPADA  
PEGAWAI PERUBATAN PAKAR DAN PEGAWAI PERUBATAN YANG  
MENJALANKAN TUGAS ATAS PANGGILAN SELEPAS WAKTU BEKERJA BIASA  
DI KKM**

BIL	JENIS TUGAS ATAS PANGGILAN	KADAR (RM/SEMALAM)	
		PEGAWAI PERUBATAN PAKAR	PEGAWAI PERUBATAN
i.	Panggilan Aktif ( <i>Active call</i> ): Bertugas di luar waktu bekerja biasa melebihi 16 jam secara berterusan pada :		
	(a) Hari bekerja	230.00	200.00
	(b) Hari cuti mingguan dan hari cuti am	250.00	220.00
ii.	Panggilan Pasif ( <i>Passive call</i> ) : Bersedia di rumah dan dipanggil berugas <b>melebihi 4 jam</b> pada :		
	(a) Hari bekerja	150.00	130.00
	(b) Hari cuti mingguan dan hari cuti am	160.00	140.00
iii.	Panggilan Pasif ( <i>Passive call</i> ) Bersedia di rumah dan dipanggil bertugas <b>kurang daripada 4 jam</b> atau tidak dipanggil bertugas pada :		
	(a) Hari bekerja	100.00	80.00
	(b) Hari cuti mingguan dan hari cuti am	105.00	85.00